
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

HMT 322 – ASPEK-ASPEK TEORI LINGUISTIK AM

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas ini mengandungi Bahagian A dan Bahagian B. Jawab EMPAT soalan kesemuanya. Jawab SEMUA soalan dalam Bahagian A dan mana-mana DUA soalan dalam Bahagian B.

Setiap soalan membawa nilai markah yang sama.

Bahagian A.

Jawab SEMUA soalan.

1. Kaitkan kepentingan *Technē* (abad ke 2 TM), *Institutiones Grammaticae* (500 TM) dan karya-karya linguistik lain dengan kemunculan aliran Tatabahasa Tradisional sebelum abad ke-20. Dalam huraian anda, jelaskan ciri-ciri dan pengaruh aliran tersebut dalam pembelajaran, pengajaran dan kajian bahasa.

[100 markah]

2. Bandingkan teori bahasa yang dipelopori Bloomfield (1933) dan Chomsky (1986) dalam hal yang berikut:

- [a] idea tentang 'bahasa'
- [b] matlamat teori
- [c] objek kajian
- [d] kaedah kajian

[100 markah]

Bahagian B.

Jawab mana-mana DUA soalan.

3. Analisis ayat di bawah berdasarkan pendekatan Bloomfield (1933) dan pendekatan Chomsky (1986). Huraikan perbezaan kedua-dua pendekatan ini dengan jelas.

**Anjing pemburu itu mengekori seorang pemuda
berbaju celoreng.**

[100 markah]

4. Dalam kebanyakan buku tatabahasa yang ditulis mengikut pendekatan Tradisional, golongan kata seperti **Kata Nama, Kata Kerja** dan **Adjektif** ditakrifkan berdasarkan kriteria semantik. Dengan menggunakan konteks tatabahasa bahasa Melayu, tunjukkan kelemahan pendekatan tersebut, dan bincangkan cara mengatasinya dengan menggunakan pendekatan yang lebih formal dalam era linguistik moden.

[100 markah]

5. Saussure (1916) telah menekankan pentingnya mengkaji bahasa sebagai satu sistem yang formal. Huraikan hal ini dengan merujuk kepada TIGA dikotomi yang dikemukakannya iaitu

langue dan parole
diakronik dan sinkronik
sintagmatik dan paradigmatic

[100 markah]

6. Jawab [a] dan [b].

- [a] Analisis ayat [i-iii] berdasarkan Teori Prinsip & Parameter.
(Sertakan rajah pohon)
- [b] Nyatakan fungsi tatabahasa bagi **Halim, Poon, mereka, budak itu**, dan **nasi** yang terdapat dalam [a]. Berikan takrifan fungsi tersebut berdasarkan pendekatan Tradisional dan Generatif.

DATA A

- i. Halim telah mengejar budak itu petang semalam.
- i'. Budak itu telah dikejar oleh Halim petang semalam.
- ii. Poon makan nasi di atas meja dengan penyepit.
- iii. Mereka bercadang untuk bertunang tahun depan.

[100 markah]